

Ruj. Kami: PNM(T) 076(29)

Tarikh : 08 Januari 2007

Semua jabatan/Pusat Tanggungjawab/
Pejabat Pemungut
Negeri Melaka

YB Datuk/Tuan/Puan,

BUKU VOT DAN PENYATA PENYESUAIAN BULANAN YANG DIJANA MELALUI SPEKS

Adalah saya dengan hormatnya merujuk mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa mulai dari tarikh surat ini semua jabatan/Pusat Tanggungjawab hendaklah menjana buku vot dari Sistem SPEKS bagi semua transaksi yang melibatkan peruntukan, tanggungan dan perbelanjaan. YB Datuk/tuan/puan adalah diingatkan supaya mencetak Laporan Harian Buku Vot pada setiap hujung hari melalui Menu Laporan di ‘button’ 13 dan 14 bagi menentukan ketepatan baki peruntukan. Baki harian ini hendaklah sentiasa disemak bagi mengelakkan baki peruntukan tidak mencukupi pada hujung bulan atau hujung tahun.

3. Bagi menentukan ketepatan perakaunan dengan rekod di Bendahari Negeri, Penyata Penyesuaian hendaklah di jana melalui Sistem SPEKS di ‘button’ 19, 20 dan 21 pada setiap bulan. Sila semak rekod jabatan dengan rekod di Bendahari Negeri melalui flimsi yang diedarkan. Semua perbezaan transaksi hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan. Penyata Penyesuaian yang telah disahkan hendaklah dikemukakan kepada Bendahari Negeri selewat-lewatnya 14 hari selepas flimsi diedarkan pada setiap bulan.

4. Peraturan ini berkuatkuasa mulai dari 08 Januari 2007.

Sekian untuk makluman dan tindakan YB Datuk, tuan/puan.

Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah

(KAMAL BAHRI BIN HJ. RAMLI)
Bendahari Negeri
MELAKA

s.k YB Datuk Pegawai Kewangan Negeri

Buku Vot On Line.doc